

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 7 (22)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2018-2020)
BILANGAN 11 TAHUN 2020**

Tarikh : 18 Disember 2020 (Jumaat).
Masa : 10.30 Pagi – 11.41 Pagi.
Tempat : Dewan Bunga Tanjung,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.

Hadir : Seperti dilampiran kehadiran.

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

Tayangan video korporat daripada Unit Komunikasi Korporat mengambil masa selama 12 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Disember 2020.

3. PERUTUSAN Pengerusi

YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi di atas limpah kurnia-Nya, kita semua dapat menghadiri Mesyuarat Majlis pada edisi kali ini. Beliau ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai serta warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan kepada Majlis khususnya di dalam merealisasikan segala perancangan program dan perkhidmatan.

Segala pencapaian dan kejayaan pastinya menuntut komitmen yang jitu selain semangat kerja berpasukan. Beliau juga mengharapkan agar tanggungjawab yang digalas dapat dipertingkatkan seiring dengan visi dan misi Majlis.



Perkhidmatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) akan terus dilaksanakan dengan amalan norma baharu dan pematuhan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Oleh yang demikian, beliau ingin meminta kerjasama semua pihak agar dapat menyediakan perkhidmatan yang terbaik buat warga Petaling Jaya dan dalam masa yang sama menggalakkan pelanggan berurusan secara atas talian. Informasi lanjut boleh dilayari di laman portal Majlis di pautan www.mbpj.gov.my.

3.1 **PENYATA KEWANGAN MAJLIS**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima Laporan Ketua Audit Negara (Sijil Tidak Berteguran atau Sijil Bersih) mengenai Penyata Kewangan Majlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 bertarikh 27 November 2020 yang lalu. Laporan Penyata Kewangan Majlis ini juga turut dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan pada 14 Disember 2020.

Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aliran Tunai, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut telah diserahkan kepada pihak Ketua Audit Negara untuk diaudit dan diperakui pada 30 Jun 2020. Seterusnya pihak audit telah menjalankan proses pengauditan ke atas Penyata Kewangan Majlis bermula 5 Ogos 2020 sehingga 21 Ogos 2020.

Rentetan itu, Mesyuarat 'Exit Conference' Penyata Kewangan telah diadakan bersama Jabatan Audit Negara, Cawangan Selangor pada 27 November 2020 bagi membincangkan penemuan audit. Hasil daripada mesyuarat tersebut, Penyata Kewangan Majlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 diserahkan semula kepada Jabatan Audit Negara untuk diperakui.

3.2 **MEMBINA KESEJAHTERAAN OKU, MENDEPANI PERUBAHAN**

Beliau mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Sedunia yang telah disambut pada 3 Disember 2020 setiap tahun. OKU pada zahirnya adalah mereka yang mempunyai sesuatu ketidakupayaan, sama ada ketidakupayaan penglihatan, pendengaran, pertuturan, fizikal, pembelajaran, mental, dan pelbagai.



Dalam mendepani cabaran masa depan, golongan OKU seharusnya dilihat setara dengan golongan bukan OKU terutamanya dalam sektor-sektor profesional. Saban tahun, semakin ramai golongan OKU yang mempunyai ijazah pengajian tinggi. Kerajaan turut beriltizam untuk berpegang kepada prinsip inklusif dengan memastikan tiada sesiapa pun di kalangan kita yang terpinggir dalam arus pembangunan negara.

Majlis telah memulakan inisiatif mewujudkan bandar bebas halangan sejak tahun 2000. Inisiatif ini meliputi kerjasama dengan NGO, pertubuhan OKU dan golongan profesional OKU bagi menjalankan audit akses kemudahan OKU di mana penemuan-penemuan daripada audit ini digunakan untuk kerja-kerja ubahsuai mahupun projek-projek baru bagi kemudahan OKU.

Pada tahun 2006, Jawatankuasa Teknikal OKU telah ditubuhkan untuk membantu jabatan teknikal menyemak pelan-pelan pembangunan pihak swasta serta projek-projek Majlis bagi pematuhan 'standard' penyediaan kemudahan OKU. Projek bandar bebas halangan dilaksanakan di Pusat Bandar Seksyen 52 dan SS 2. Majlis telah menetapkan dasar pematuhan penyediaan kemudahan OKU bagi pelan-pelan susunatur di peringkat Kebenaran Merancang (KM), pelan-pelan bangunan, pelan landskap, dan pelan-pelan kerja tanah serta lampu jalan. UD Form perlu diperolehi daripada Jabatan Perancangan Pembangunan sebelum permohonan kebenaran merancang dikemukakan ke bahagian Unit Pusat Setempat (OSC). Di peringkat 75% penyiapan projek, lawatan akan dibuat oleh UD Team untuk memastikan kemudahan OKU di sediakan di setiap pembangunan. Semakan semula akan dibuat untuk memastikan pematuhan sepenuhnya sebelum kelulusan CCC.

Majlis juga telah melatih kakitangan teknikal seramai 8 orang sebagai auditor bagi 'access audit' seterusnya membentuk UD Team MBPJ. UD Team ini bertanggungjawab untuk membuat auditan setiap projek pembangunan swasta dan Majlis berhubung pematuhan kemudahan OKU.

Untuk terus memberi tumpuan kepada golongan OKU, Majlis telah membangunkan 'dashboard' khusus dikenali sebagai 'SmartUD-PJ' bagi projek PJ Smart City. 'Dashboard' ini turut menyediakan data-data berkaitan lokasi projek-projek pembangunan, lokasi taman dan kemudahan awam, lokasi kemudahan infrastruktur yang mematuhi keperluan OKU, data Tempat Letak Kereta OKU sedia ada dan status keadaan semasa, komponen UD yang disediakan di projek-projek pembangunan baru bagi projek-projek Majlis dan swasta seperti TLK OKU, TLK Wanita, 'ramp, guiding block tactiles, warning block tactiles', lif, surau, bilik penyusuan dan lain-lain



komponen yang berkaitan. Data-data ini boleh dianalisis dan dapat menghasilkan pelaporan status pelaksanaan Agenda Bandar Bebas Halangan di Petaling Jaya.

Majlis juga telah menetapkan matlamat menjelang tahun 2030, kesemua 23 pusat bandar utama di Petaling Jaya adalah 'accessible' kepada OKU dan menerima 'UD Compliance Certified' daripada agensi yang bertanggungjawab. Selain itu, Majlis akan sentiasa memastikan bangunan-bangunan dan kemudahan awam seliaan Majlis mematuhi ciri rekabentuk sejagat serta semua pembangunan baru samada Projek Majlis atau swasta mematuhi sepenuhnya keperluan OKU berdasarkan Garis Panduan Rekabentuk Sejagat selaras dengan agenda global Sustainable Development Goals 2030 iaitu SDG 10 : 'Reduced Inequalities' - 'Reduce inequality within and among countries' dan SDG 11 : 'Sustainable Cities and Communities' - 'Make cities and human settlements inclusive', 'safe', 'resilient and sustainable'. Untuk semua inisiatif yang telah dijalankan ini, Majlis telah menerima pelbagai pengiktirafan dan diantaranya adalah seperti:

- a) Anugerah Bangunan Dengan Kemudahan Akses Sempena Sambutan Hari Kurang Upaya Peringkat Kebangsaan Ke-9 (Kategori Bangunan Kerajaan 2002).
- b) Anugerah Bangunan Dengan Kemudahan Akses Sempena Sambutan Hari Kurang Upaya Peringkat Kebangsaan Ke-9 (Kategori Bangunan Kerajaan 2003).
- c) Anugerah Khas – Kemudahan Untuk Orang Kurang Upaya 2009/2010 Jabatan Alam Sekitar Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar.
- d) 'Finalist' bagi 'Commonwealth Association Of Public Administration And Management' (CAPAM) 2012 – 'Barrier Free City: Lifting The Urban Disability Stigma'.
- e) Anugerah PBT Prihatin Sempena Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Peringkat Kebangsaan 2014.
- f) Anugerah PBT Prihatin Sempena Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Peringkat Kebangsaan 2017.
- g) Pengiktirafan Pembangunan Inklusif Kategori Pihak Berkuasa Tempatan Sempena Hari Perancang Bandar Sedunia 2018.
- h) Anugerah PBT Prihatin Sempena Majlis Anugerah Hari Kanak-kanak, Orang Kurang Upaya Dan Warga Emas 2018.



Beliau percaya kita semua di sini sentiasa mendoakan golongan OKU diberikan tempat sebaiknya dalam kalangan masyarakat, seterusnya dapat bersama-sama berperanan dalam pembangunan negara.

3.3 HARI ANTI RASUAH ANTARABANGSA (HARA) 2020

Majlis Bandaraya Petaling Jaya menyambut baik program PBT Perangi Pemberi Rasuah bersempena dengan sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa (HARA) 2020 yang telah dikelolakan oleh SPRM bersama 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di dalam Selangor pada 9 Disember yang lalu.

Program itu juga turut melibatkan kerjasama rakan-rakan strategik seperti Yayasan Anti Rasuah Malaysia (YARM), 'Transparency International' (TI) Malaysia, Persatuan Bekas Pegawai BPR/SPRM, Angkatan Mahasiswa Antirasuah (AMAR), Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah, 'Anti-Corruption Force' (ACF) serta golongan sasar yang terpilih.

Sejak 2003, Hari Anti Rasuah Antarabangsa (HARA) ('International Anti-Corruption Day') yang diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations), disambut pada 9 Disember setiap tahun. Sambutan HARA yang bertemakan 'United Against Corruption' (Bersama Memerangi Rasuah), disambut baik oleh pelbagai lapisan masyarakat dunia yang membawa bersama pihak kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha memantapkan serta meneruskan perjuangan memerangi rasuah.

Di Malaysia, tujuan sambutan HARA 2020 adalah untuk menjadikan PBT di Malaysia sebagai pencetus dan perintis anti rasuah dalam usaha membendung pemberi rasuah serta mencerminkan nilai integriti dalam menunaikan kewajipan sebagai PBT yang bebas rasuah serta memberi perkhidmatan yang berintegriti, berkualiti dan profesional.

3.4 PENGURUSAN TENAGA LESTARI

Tenaga merupakan aspek penting dalam memacu perkembangan ekonomi sesebuah negara. Faktor pengurusan tenaga turut menyebabkan permintaan terhadap penggunaan tenaga elektrik di premis bangunan juga meningkat. Sejajar ke arah negara berstatus negara maju, keperluan tenaga dilihat semakin lama semakin menjadi intensif. 50 peratus penggunaan tenaga di negara ini adalah terdiri dari sektor industri, kediaman dan komersil termasuk bangunan kerajaan.



Bangunan komersil dan kediaman menggunakan kira-kira 13 peratus daripada jumlah penggunaan tenaga dan 48 peratus penggunaan elektrik negara. Oleh yang demikian, terdapat keperluan yang tinggi untuk merangka dan melaksanakan strategi penggunaan tenaga dengan cekap supaya amalan kecekapan tenaga di bangunan dapat dipraktikkan.

Susulan daripada fakta dan inisiatif yang berterusan serta selaras dengan sasaran pengurangan karbon, program pengurusan tenaga lestari ini mensasarkan pembangunan kapasiti kakitangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya dalam merealisasikan aktiviti-aktiviti berkaitan bangunan cekap tenaga di bangunan. Amalan pengurusan tenaga yang berterusan adalah disarankan bagi memastikan penggunaan dan kos tenaga dapat diijimatkan.

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) telah membangunkan Rangka Kerja Perbandaran Rendah Karbon atau 'Low Carbon Cities Framework and Assessment System' (LCCF). LCCF dibangunkan untuk memberikan panduan dalam menyediakan perancangan dan pembangunan mampan yang dapat menyumbang kepada pengurangan pelepasan gas rumah hijau ('Green House Gases'). Rangka kerja ini mengandungi empat elemen utama iaitu persekitaran bandar, infrastruktur bandar, pengangkutan bandar dan bangunan.

Pihak Berkuasa Tempatan khususnya MBPJ telah menyahut inisiatif kerajaan serta menjadi organisasi perintis 'lead by example' mewujudkan persekitaran perbandaran yang sejahtera dan mesra penduduk, selaras dengan matlamat Petaling Jaya ke arah bandar raya rendah karbon menjelang tahun 2030. Selain itu, Petaling Jaya juga merupakan sebuah bandar raya yang terpilih untuk terlibat dalam projek 'Green Technology Application for the Development of Low Carbon Cities' (GTALCC) yang telah bermula sejak tahun 2016 iaitu sebuah projek untuk membantu sesebuah perbandaran mencapai sasaran ke arah sebuah bandar rendah karbon.

Demi merealisasikan hasrat MBPJ ke arah bangunan rendah karbon, MBPJ telah berkerjasama dengan SEDA Malaysia dalam melaksanakan Program 3 Tahun Pengurusan Tenaga, Pelaksanaan Piawai Malaysia (MS) 1525 dan Bangunan Rendah Karbon (2020-2023). SEDA Malaysia merupakan badan berkanun di bawah KeTSA yang bertanggungjawab memberikan fasilitasi dalam bidang tenaga lestari, khususnya pengurusan dan kecekapan tenaga.



MBPJ komited untuk membangunkan pangkalan data penggunaan tenaga, pelepasan dan pengurangan karbon bagi sektor bangunan di Petaling Jaya dengan kaedah `Common Carbon Metric` (CCM) melalui pengisian dan permohonan pensijilan `Voluntary Sustainable Low Carbon Building GreenPASS` di `Building Energy Data Online System` (BEDOS) MBPJ SEDA Malaysia. Hasrat dan objektif Majlis adalah :

- a) Membangunkan program bangunan cekap tenaga rendah karbon bangunan milik MBPJ.
- b) Menyokong pelaksanaan pengurangan pelepasan gas karbon dioksida nasional dan Program `Low Carbon Cities PJ` serta `PJ City Climate Action Plan` 2015-2030.
- c) Pembangunan kapasiti dalam pengurusan tenaga dan bangunan rendah karbon untuk golongan profesional dan sokongan Majlis.
- d) Menyokong Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor.
- e) Membangunkan `database` penggunaan tenaga, pelepasan dan pengurangan karbon bagi sektor bangunan di Petaling Jaya melalui kaedah `Common Carbon Metric` (CCM)

Oleh itu, sebuah platform pengumpulan data secara atas talian bagi memudahkan proses pemantauan dan proses pensijilan `Voluntary Sustainable Low Carbon Building GreenPASS` SEDA Malaysia yang dibangunkan oleh SEDA Malaysia telah disediakan. Majlis merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama yang menggunakan secara rasmi sistem BEDOS ini secara menyeluruh. Untuk makluman, daripada 12 buah bangunan di Petaling Jaya yang berdaftar di dalam sistem ini, sebanyak 6 buah bangunan yang telah berjaya mencapai penjimatan tenaga dengan jumlah keseluruhan penjimatan sebanyak 4.31 MWh bersamaan dengan 2,992.21 tCO₂.

Sistem BEDOS membantu untuk memaparkan data sejarah penggunaan tenaga dan menganalisa data bagi penyediaan laporan tenaga. Selain penggunaan tenaga, ia juga membolehkan pengguna untuk menetapkan `baseline` dan mengenalpasti prestasi penjimatan tenaga bagi membantu pengguna menguruskan penggunaan tenaga. Sistem BEDOS juga menyediakan pengguna / pemilik bangunan untuk:

- a) Pendaftaran bangunan (perincian maklumat bangunan).
- b) Penyerahan penggunaan bulanan tenaga bangunan.



- c) Penghasilan laporan (tetapi tidak terhad kepada) mengenai penggunaan tenaga, pelepasan karbon, penjimatan tenaga ke dalam carta.
- d) Pemindahan data dari pengumpulan data manual sebelumnya (excel).

Sistem ini menyediakan platform untuk permohonan 'Sustainable Low Carbon Building Assessment GreenPASS' iaitu program 'voluntary' yang menghargai inisiatif pencapaian bangunan rendah karbon tenaga lestari oleh mana-mana pengguna / pemilik bangunan. Kaedah ini diadaptasi dari 'rating tool' yang telah dibangunkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia iaitu 'GreenPASS'.

Bagi mencapai matlamat ke arah melaksanakan pengurusan tenaga dengan cekap dan berkesan, Majlis akan meneruskan amalan-amalan pengurusan tenaga dengan kaedah-kaedah yang telah ditetapkan. Majlis juga komited kepada perkara-perkara seperti berikut:

- a) Penambahbaikan berterusan dalam pengurusan tenaga dengan melaksanakannya secara lebih efektif dan efisien.
- b) Mewujudkan budaya penjimatan dan kesedaran yang tinggi untuk tidak membazir tenaga melalui latihan dan program kesedaran.
- c) Mengenal pasti potensi penjimatan dan penambahbaikan melalui kaedah dan teknologi dalam pengurusan tenaga serta amalan pemantauan dalam semua aspek dan operasi secara berterusan.
- d) Menurunkan penggunaan tenaga (kWh) sebanyak 5% setahun bagi bangunan milik Majlis.
- e) Menyokong dan menyumbang kepada agenda negara dalam mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau (GHG) berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 45% pada tahun 2030.

3.5 **KEMPEN KAUNTER BERGERAK JOM BAYAR LESEN PERNIAGAAN TAHUN 2021**

Selaras dengan kempen Jom Bayar Lesen Perniagaan tahun 2021 yang dilaksanakan oleh Majlis bermula 1 Oktober 2020 sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 28,618 pemegang lesen tred perniagaan dan iklan serta 9,348 pemegang lesen penjaja akan mula memperbaharui lesen mereka bagi tahun 2021.



Majlis telah melancarkan Sistem Smart Lesen pada 5 Oktober 2020 bagi memudahkan pemegang lesen memperbaharui lesen perniagaan serta mencetak lesen mereka secara terus dalam talian tanpa perlu hadir ke kaunter Majlis. Pengguna juga boleh layari pautan elesen.mbpj.gov dan pilih perkhidmatan yang diperlukan.

Walaupun begitu, Majlis turut menyediakan kaunter perkhidmatan pelanggan di 18 lokasi terpilih di Petaling Jaya bagi membantu pemegang lesen yang mempunyai masalah berkaitan pelesenan seperti berikut:

BIL	LOKASI	TARIKH	MASA
1.	Starling Mall	01 Disember 2020	11.00 Pagi – 3.00 Petang
2.	3 Damansara (Tropicana City Mall)	09 Disember 2020	11.00 pagi – 3.00 Petang
3.	Giant Kelana Jaya Mall	15 Disember 2020	11.00 Pagi – 3.00 Petang
4.	Tesco Ara Damansara	18 Disember 2020	11.00 Pagi – 3.00 Petang
5.	Paradigm Mall	21 Disember 2020	11.00 Pagi – 3.00 Petang
6.	Jaya Shopping Centre Mall	23 Disember 2020	11.00 Pagi – 3.00 Petang
7.	One Utama	29 Disember 2020	11.00 Pagi – 3.00 Petang
8.	Amcorp Mall	31 Disember 2020	11.00 Pagi – 3.00 Petang
9.	Pasar Awam Cempaka	02 Disember 2020	9.00 Pagi – 12.00 Tengah hari
10.	Pasar Malam Medan	03 Disember 2020	4.00 Petang – 7.00 Malam
11.	Pasar Awam Jalan Othman	8 Disember 2020	9.00 Pagi – 12.00 Tengah hari
12.	Pasar Malam SS 2/6 Chow Yang	10 Disember 2020	4.00 Petang – 7.00 Malam
13.	Pasar Malam Sg Way	14 Disember 2020	4.00 Petang – 7.00 Malam
14.	Pasar Malam Lorong Masjid 1, Kayu Ara	17 Disember 2020	4.00 Petang – 7.00 Malam
15.	Pasar Malam Sek 17	22 Disember 2020	4.00 Petang – 7.00 Malam
16.	Pasar Pagi SS 2	24 Disember 2020	9.00 Pagi – 12.00 Tengah hari



BIL	LOKASI	TARIKH	MASA
17.	Pasar Malam SS 2/6	28 Disember 2020	4.00 Petang – 7.00 Malam
18.	Pasar Malam Medan, Jalan 9	30 Disember 2020	4.00 Petang – 7.00 Malam

Bagi pemegang lesen tred dan usahawan mikro yang membuat memperbaharui lesen tahun 2021 selepas 31 Disember 2020, Majlis akan mengenakan caj pemprosesan sebanyak RM 50.00. Manakala, pembatalan lesen akan dilaksanakan sekiranya pembaharuan lesen tidak dibuat selepas 30 Jun 2021.

Manakala bagi aktiviti iklan luaran pula pemegang lesen yang memperbaharui lesen pada bulan April hingga Jun 2021 akan dikenakan caj pemprosesan sebanyak 1% daripada kadar lesen, dan caj sebanyak 2% dikenakan sekiranya pembaharuan dibuat pada bulan Julai hingga September 2021 serta tindakan mahkamah akan dikenakan sekiranya pembaharuan lesen tidak dibuat sehingga bulan Oktober 2021.

Tindakan dan semakan penguatkuasaan bagi pembaharuan lesen tahun 2021 akan dimulakan pada 4 Februari 2021. Fokus semakan penguatkuasaan ini adalah ke arah premis tanpa lesen dan pematuhan syarat-syarat lesen. Tindakan penguatkuasaan seperti kompaun, notis, sitaan dan pendakwaan akan dilaksanakan.

Seperti yang sedia maklum tempoh perintah kawalan pergerakan bersyarat masih berkuatkuasa di Selangor. Sehubungan itu para pelanggan dinasihatkan untuk mematuhi syarat prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

3.6 SITUASI KES DEMAM DENGGI DI PETALING JAYA

Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada Minggu Epid (ME) ke 50 adalah sejumlah 3,729 kes yang dilaporkan. Laporan kes demam denggi ini menunjukkan penurunan sebanyak 50 peratus berbanding tahun 2019 dengan sebanyak 7,427 kes.

Walau bagaimanapun, jumlah ini merupakan jumlah yang terendah berbanding 2 PBT yang lain di daerah Petaling. MBPJ merekodkan sejumlah 3,729 kes, MBSA 5,120 kes dan MBSJ 6,322 kes.

Tiada wabak tidak terkawal dilaporkan manakala terdapat 13 wabak terkawal telah dilaporkan. Manakala 1 lokaliti wabak hotspot terkini yang aktif dilaporkan sehingga ME 50 (12/12/2020) di kawasan MBPJ. Terdapat 1 kes kematian yang dilaporkan pada tahun 2020.



Bil	Lokaliti Wabak Terkawal	Bil. Kes	Tarikh Mula Wabak	Tarikh Tamat Wabak
1	Apt Harmoni 1 PJU 10 (A,B,C,L,M,N,O,P,Q)	2	30/11/2020	14/12/2020
2	Apt Rampai Idaman PJU 10	3	07/12/2020	24/12/2020
3	Apt Flora Damansara 2 PJU 8 [C,D,E,F]	5	07/12/2020	24/12/2020
4	SEK 11 PJU 5 (Apt Salvia)	2	07/12/2020	21/12/2020
5	Gugusan Siantan SEK 5 PJU 5	2	09/12/2020	23/12/2020
6	Sepah Puteri SEK 5 PJU 5 (Jln 5/20 - 5/27)	4	30/11/2020	18/12/2020
7	Sunsuria Avenue PJU 5	2	01/12/2020	15/12/2020
8	Kg Sg Kayu Ara 5 PJU 6A [Jln Teratai, Melur, Mawar, Melati]	2	03/12/2020	17/12/2020
9	SEK 14 (Teres 2) [Jln 30-49]	2	05/12/2020	19/12/2020
10	Flat Desa Mentari PJS 5 (Blok 7 , 8)	2	02/12/2020	16/12/2020
11	Taman Medan PJS 2C (Teres 4) [Jln PJS 2C/11,2C/11A,B,C,D,F,G, H,J,K,L,28,2]	2	04/12/2020	18/12/2020
12	Taman Indah Jaya PJS 4 (Teres 1)[Jln PJS 4/8,10,12,16,18,20,22A,25 ,27,27A,B]	2	07/12/2020	21/12/2020
13	SEK 51A Flat Impian Baiduri	2	02/12/2020	16/12/2020
Bil	Lokaliti Hotspot	Bil. Kes	Tarikh Mula Wabak	Tarikh Tamat Wabak
1	Palm Spring Kondo 2 PJU 3 (D,E,F)	15	17/10/2020	16/12/2020

Sehubungan dengan itu, saya menyeru kepada pemimpin setempat agar bersama-sama penduduk setempat sentiasa menjaga kebersihan di komuniti masing-masing dengan memastikan tiada takungan air di kawasan rumah dan sekeliling tempat tinggal. Semoga amalan kebersihan ini sentiasa di amalkan tanpa mengira waktu dan tempat.



4. **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

4.1 **MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 10 TAHUN 2020 (PENGGAL 2018/2020)**

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis Bilangan 10 Tahun 2020 bagi penggal 2018/2020 bertarikh 30 November 2020 disahkan tanpa pindaan.

5. **LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 10 TAHUN 2020 (PENGGAL 2018/2020) YANG TELAH DIADAKAN PADA 30 NOVEMBER 2020.**

Tiada.

6. **MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS.**

6.1 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 2 DISEMBER 2020 DAN 15 DISEMBER 2020.**

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 7 (54))

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 7 (56))

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Unit Pusat Setempat, MBPJ.

6.2 **CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 7 DISEMBER 2020.**

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD. 2 (143))

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah Sumber Manusia, MBPJ.



6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 7 DISEMBER 2020. RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 3 (78))

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah Sumber Manusia, MBPJ.

6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 8 DISEMBER 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (110))

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Ketua Penolong Pengarah (Perolehan), MBPJ.

6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 9 DISEMBER 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 JLD. 2 (82))

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan seperti berikut:

Tambahan kepada Lampiran Kehadiran di mana nama Encik Loyis anak Udin tidak dimasukkan.

Pindaan bagi perkara 7.3.1 perenggan 3 di muka surat 10 seperti berikut:

... Pembersihan Awam untuk memberikan taklimat dan tempat kepada peniaga-peniaga yang akan dilantik di Pasar Seri Setia bagi memastikan mereka membuang sampah dengan cara pengasingan sampah bagi tujuan pengkomposan di tempat yang betul.

Tindakan : Pengarah Jabatan Landskap, MBPJ.



**6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN
PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 9 DISEMBER 2020.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 3 (57))**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan kepada lampiran kehadiran di mana nama Encik Loyis a/l Udin tidak dimasukkan di dalam kehadiran.

**Tindakan : Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pehidmatan
Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ.**

**6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 10 DISEMBER 2020.
RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 3 (55))**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Perancangan dan Pembangunan
MBPJ.**

**6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALU LINTAS BERTARIKH
14 DISEMBER 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 3 (54))**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

**6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN
BERTARIKH 14 DISEMBER 2020.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD. 4 (94))**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.



7. UCAPAN PENANGGUHAN

7.1 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH PUAN ERMEEMARIANNA BINTI SAADON

Beliau mengucapkan salam kepada semua Ahli Mesyuarat yang hadir. Tidak lupa ucapan terima kasih kepada YBhg. Datuk Pengerusi kerana memberi ruang kepada beliau berucap pada kali ini.

7.1.1 Kempen Wanita

Pada setiap 25 November – 10 Disember, kempen Hentikan Keganasan dan Hormat Wanita dilaksanakan untuk memberi kesedaran dan sokongan terhadap wanita.

Semenjak penularan wabak Covid-19, kes keganasan rumah tangga makin meningkat. Sepanjang Mac – September 2020 sebanyak 254 kes dilaporkan di mana 224 kes adalah dikalangan wanita dan 30 kes adalah melibatkan lelaki. Kes yang melibatkan lelaki dikesan antaranya bila suami diberhentikan kerja dan isteri yang memikul tanggungjawab tersebut.

Warna oren dipilih sebagai simbol kempen ini yang bermaksud mewarnai kehidupan harmoni yang lebih baik. Oleh yang demikian hari ini beliau telah mengedarkan muffin berwarna oren sebagai simbol kepada kempen ini.

Dalam menangani isu keganasan rumah tangga, kerajaan telah menyediakan 'One Stop Crisis Center' (OSCC) di semua Hospital Kerajaan. Selain daripada itu di dalam kelulusan bajet 2021 kerajaan mensasarkan golongan miskin, miskin bandar dan golongan yang dikategorikan sebagai vulnerable seperti orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal serta belia menganggur, untuk menyalurkan bantuan kewangan bukan secara 'one-off', sebaliknya lebih bersifat pemberian berterusan hingga keadaan menjadi lebih baik. Dengan adanya bantuan ini diharap agar isu keganasan rumahtangga akan berkurangan.

Diperingkat majlis, difahamkan ada AKRAB yang berfungsi untuk memberikan kaunseling kepada kakitangan yang memerlukan. Beliau berharap agar Ahli Majlis wanita dilibatkan sama untuk menganggotai AKRAB.



7.1.2 Program Ibu PJ

Ketika pandemik Covid-19 melanda negara, Jabatan Perancangan Pembangunan bersama Axiata telah berkerja sama mewujudkan sebuah program Ibu PJ. Ibu PJ ini adalah usaha untuk membantu memberi geran sebanyak RM800 bagi menampung keperluan untuk Modal perniagaan. Selain dari melihat kepakaran dan kemahiran mereka.

Oleh itu, beliau memohon agar jabatan :

- a) Melaporkan keseluruhan aktiviti, kemajuan dan jumlah sebenar peserta Ibu PJ yang berjaya mendapat geran tersebut.
- b) Program Kualiti dan Kempen program perlu diperluaskan seperti syor :
 - i) Wujudkan `One Stop Crisis Center` di Bangunan Majlis dan penglibatan Ahli Majlis.
 - ii). Wujudkan Klinik Guaman sebagai kerja sosial bagi membendung kes keganasan samada kakitangan yang terlibat atau orang awam.
 - iii) Perbanyakkan hebahan dan kempen program Wanita yang selari berdasarkan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri serta di dalam Dash Board SDG5 goals.

Tindakan : Pengarah Jabatan Perancangan dan Pembangunan MBPJ.

7.1.3 Ucapan terima kasih

Beliau mengucapkan terima kasih di atas kepimpinan 12 orang pengarah wanita yang diketuai oleh Timbalan Datuk Bandar. Tidak lupa ucapan terima kasih di atas kepimpinan 6 orang Pengarah lelaki yang diterajui oleh YBhg. Datuk Bandar untuk mentadbir MBPJ. Dengan adanya kepimpinan tersebut, penyediaan bilik penyusuan telah direalisasikan di beberapa tempat seperti di Klinik MBPJ serta meluluskan cadangan agar kakitangan wanita boleh bersalin di Hospital Swasta dengan menggunakan Mediexpress.

Beliau berharap agar walaupun penularan wabak Covid-19, melanda Negara, namun kempen wanita perlu dimartabatkan.



7.2 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK AHMAD AKHIR BIN PAWAN CHIK

Beliau mengucapkan salam kepada semua Ahli Mesyuarat dan bersyukur dengan limpah kurniaNya masih dapat bermesyuarat pada hari ini.

Kesan Covid-19 memberi pengalaman dan pengajaran kepada kita untuk menangani wabak tersebut dan satu permulaan untuk kita mengkaji semula mengikut norma baharu. Penularan ini bukan sahaja memberi kesan kepada negara kita malahan memberi kesan kepada ekonomi dunia.

Kita perlu mengamalkan sikap berjimat cermat dan berbelanja mengikut keperluan. Di dalam komuniti kita ramai yang kehilangan punca pendapatan sama ada dibuang kerja atau diberi cuti tanpa gaji.

7.2.1 Penjaja Tanpa Lesen

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Pelesenan kerana isu Penjaja Tanpa Lesen yang dibangkitkan bulan lepas telah diambil tindakan. Beliau berharap agar kerjasama ini akan dapat diteruskan pada masa akan datang.

7.2.2 Ahli Majlis Penggerak Komuniti Tempatan (PeKT)

Beliau menjelaskan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melantik Ahli Majlis PeKT yang diberi tugas di tempat yang ada Ahli Majlis lantikan Pihak Berkuasa Tempatan. Kerajaan Negeri Selangor tidak mengiktiraf pelantikan PeKT bagi memastikan tiada pencanggahan dengan peranan ahli majlis yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri. Tiada keperluan melantik PeKT memandangkan ahli majlis yang dilantik mewakili kepentingan komuniti di kawasan pemantauan mereka.

Sehubungan itu, beliau berharap agar majlis tidak melayan permohonan atau apa-apa yang dibangkitkan oleh PeKT. Perkara ini pernah timbul pada tahun 2008 di zaman pemerintahan Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim.



7.2.3 Pewartaan Jalan Majlis

Beliau berharap agar majlis dapat mewartakan nama jalan terutama di kawasan zon pemantauan beliau memandangkan keadaan jalan yang teruk. Menurut beliau sekiranya jalan telah diwartakan maka jalan tersebut boleh dimasukkan ke dalam jadual penyelenggaraan oleh MARRIS.

Tindakan : Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

7.2.4 Hari Orang Kurang Upaya (OKU)

Beliau bersetuju dengan ucapan YBhg. Datuk Pengerusi berkaitan kemudahan-kemudahan OKU di Petaling Jaya. Selain daripada itu Majlis merupakan PBT pertama yang menyediakan kenderaan untuk kegunaan OKU.

Sehubungan dengan itu beliau mengemukakan beberapa cadangan untuk menyokong golongan OKU antaranya:

- a) Memberi ruang kepada OKU untuk bekerja di dalam sektor kerajaan mahupun swasta terutama kepada OKU yang mampu bekerja memandangkan sesetengah OKU boleh bekerja akan tetapi tidak diberi ruang dan peluang untuk berbuat demikian.

Akhir sekali beliau berharap agar majlis melihat sekali kawasan pemantauan beliau semasa majlis meneruskan apa juga dasar seperti Penjaja Tanpa Lesen dan Lestari Bandar.

Beliau mengakhiri ucapan dengan serangkap pantun:

Kalau ada sumur di ladang
Boleh saya menumpang mandi
Kalau ada umur yang panjang
Boleh kita berjumpa lagi.

Ulasan YBhg. Datuk Pengerusi

YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa MBPJ tidak mengiktiraf PeKT dan tidak memberi kebenaran atau kerjasama memandangkan PeKT tidak diiktiraf oleh Kerajaan Negeri. Kehadiran mereka menimbulkan kesangsian dan kekeliruan rakyat dan majlis tidak membenarkan PeKT menggunakan sebarang logo majlis.



7.3 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK DEREK JOHN FERNANDEZ

Hanya 12 hari lagi kita akan sampai ke tahun 2021. Kebanyakan misi tahun 2020 masih kabur dan tidak tercapai kerana penularan wabak Covid-19.

Terima kasih dan syabas kepada MBPJ, Datuk Bandar, Ahli-ahli Majlis dan wargakerjanya. Walaupun cabaran hebat, majlis masih mendapat tempat pertama bagi Anugerah Penghargaan Bandar Mampan. Ini merupakan kejayaan besar yang melibatkan banyak kerja dan komitmen semua.

Beliau berharap agar majlis akan mempertahankan anugerah ini pada tahun 2021 dan seterusnya. Banyak perkara yang perlu diperbaiki agar kita terus mendahului PBT lain di Malaysia.

Beliau berharap agar Ahli Majlis yang dilantik pada masa hadapan akan dapat melihat tiga (3) perkara iaitu:

i) **Sehenti Makanan**

Kita perlu ada bekalan makanan yang mencukupi terutama ketika menghadapi penularan wabak Covid-19. Bagi tahun 2020 bekalan makanan adalah mencukupi. Akan tetapi sekiranya kes ini berterusan dikhuatiri pada tahun 2021 bekalan makanan akan berkurangan. Oleh itu beliau mencadangkan agar majlis menggalakkan orang awam menanam sayur dengan menggunakan tempat sedia ada seperti rumah, bangunan walaupun kecil akan tetapi sekiranya dibuat secara sistematik maka ia akan menampakkan hasilnya.

ii) **Isu Sensitif**

Isu air bersih adalah isu sensitif dan cabaran hebat bagi Negeri Selangor sehingga Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan menggubal undang-undang berkaitan perkara ini.

Pihak Berkuasa Tempatan boleh membantu untuk mengatasi masalah ini dengan menukar dasar pembangunan yang mewajibkan setiap projek baru menyediakan tangki air yang boleh menyimpan air selama empat (4) hari.

Pihak Berkuasa Tempatan juga boleh mengawal pengeluaran lesen dan meminta pemegang lesen menyelenggara dan membuang bahan kumuhan secara sistematik.



iii) Kehilangan Kerja

Sejuta orang telah hilang pekerjaan dan angka ini akan sentiasa bertambah. Perkara ini bukan disebabkan penularan wabak Covid-19, akan tetapi berlaku sebelum penularan wabak ini lagi. Ekonomi dunia mengalami penurunan dan ramai orang hilang pekerjaan dan salah satu sebab adalah agenda digitalisasi.

Setiap kali negara atau dunia menggunakan digitalisasi, maka kakitangan akan dikurangkan. Pewujudan pekerjaan baharu adalah perlu untuk menangani isu kehilangan pekerjaan. Penggunaan digitalisasi perlu seimbang dengan pewujudan jawatan baru. Sebagai contohnya walaupun kita membuat pelbagai kutipan dengan menggunakan sistem, akan tetapi kita perlu pelbagaikan cara manual untuk membuat kutipan.

Akhir sekali beliau sekali lagi berasa bangga di atas pencapaian Bandar Mampan dan berharap akan dapat diteruskan.

Ulasan YBhg. Datuk Pengerusi

YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa tahun ini benar-benar menguji kita di dalam mewujudkan Bandar Mampan dan berdaya tahan. Penularan wabak Covid-19 membuat perkhidmatan kita bertambah kuat dan cekap. Kita diuji lebih awal dan ini merupakan peluang terbaik di dalam merangka strategi berdasarkan pengalaman untuk menjadi lebih baik di masa akan datang.

YBhg. Datuk Pengerusi turut memaklumkan bahawa majlis akan mengadakan Bengkel Sasaran Kerja 2021 dan akan melihat semula Sasaran Kerja Tahun 2020 yang tidak tercapai.

7.4 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH PUAN YM RAJA FAIRUZ BIN RAJA MAZLAN

Beliau mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas khidmat dan budi baik yang dicurahkan oleh semua warga kerja MBPJ termasuk rakan Ahli Majlis sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Ahli Majlis.

Walaupun beliau tidak menyambung perkhidmatan sebagai Ahli Majlis pada tahun hadapan, akan tetapi beliau berharap agar kerjasama tetap berjalan seperti biasa.



Beliau mengakhiri ucapan dengan beberapa rangkap pantun:

Ambilkan saya buah delima,
Masak sebiji di balik daun,
Budi tuan saya terima,
Jadi kenangan bertahun-tahun.

Batang selasih permainan budak,
Berdaun sehelai dimakan kuda,
Bercerai kasih bertalak tidak,
Seribu tahun kembali jua.

Tuai padi antara masak,
Esok jangan layu-layuan,
Intai kami antara nampak,
Esok jangan rindu-rinduan.

Kalau ada jarum yang patah,
Jangan disimpan di dalam peti,
Kalau ada salah dan silap,
Jangan disimpan di dalam hati.

YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas segala sumbangan dan kerjasama yang diberikan oleh semua Ahli Majlis sepanjang perkhidmatan. Buat masa sekarang majlis masih belum menerima senarai nama daripada Kerajaan Negeri. Secara peribadi beliau amat senang dengan kerjasama yang diberikan walaupun pada peringkat awal beliau ke MBPJ telah dimomokkan dengan kata-kata yang menakutkan. Akan tetapi setelah bekerja bersama, tiada isu yang timbul dan beliau seronok bekerja bersama Ahli-Ahli Majlis. Beliau berharap agar dapat berjumpa di Majlis Menerima Jawatan Ahli Majlis pada tahun hadapan.

Ucapan terima kasih juga kepada semua Ketua Jabatan, walaupun menghadapi masa yang sukar namun boleh mengharungi. Sentiasa mematuhi SOP dan # Kitajagakita.

Beliau turut mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas dan Tahun Baru 2021 kepada semua. Semoga segala perkara mahupun program yang kita rencanakan pada tahun hadapan akan membuatkan kita semakin berdedikasi dan berintegriti di dalam menjalankan tugas harian.



SULIT

Jadikanlah segala urusan kita pada tahun ini yang sudah semestinya menyimpan seribu satu kenangan dan pengalaman baru sepanjang hayat dalam mengharungi situasi pandemik Covid-19 sebagai iltizam untuk kita menghasilkan dan memberi perkhidmatan yang lebih baik dan berkualiti pada tahun hadapan.



(HJH. AZLINDA BINTI AZMAN, SIS, PPT),
Setiausaha,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 24 Disember 2020.



SULIT

LAMPIRAN KEHADIRAN**HADIR:**

1. YBhg. Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar, D.P.M.S., S.M.S.,
Datuk Bandar, MBPJ. - Pengerusi
2. Puan Hjh. Azlinda binti Azman, S.I.S., P.P.T.,
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
3. Encik Terence Tan Teck Seng,
Ahli Majlis, MBPJ.
4. Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ.
5. Encik Zamri bin Mohamad,
Ahli Majlis, MBPJ.
6. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
7. Encik Tang Fuei Koh, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
8. Encik Ong Swee Long,
Ahli Majlis, MBPJ.
9. Encik Derek John Fernandez, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Puan Elaine Magdaline Nathaniel, – (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Wong Swee Sang,
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Puan Ermeemarianna binti Saadon,
Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Sugumaran a/l R Annamalai,
Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Anwar bin Nekhan, – (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.



15. Encik Chan Pak Keung,
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Y.M. Raja Fairuz binti Raja Mazlan,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Leong Chee Cheng,
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Loyis Anak Uding, – (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Ong Yew Thai,
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Puan Quratulain Atiqah binti Norzahirul Anuar, – (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Tuan Sr. Thayalan a/l Krishnasamy, – (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Encik Farhan Haziq bin Mohamed,
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Puan Sakinah Bibi Nagoor, – (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
24. Puan Rahibah binti Che Omar, – (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
25. Encik Ridzuan bin Hj. Ahmad @ Awang,
Ahli Majlis, MBPJ.
26. Puan Rozazitah binti Hj. Ahmad, – (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

1. Puan TPr. Hjh. Sharipah Marhaini binti Syed Ali, P.P.T.,
Timbalan Setiausaha,
Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
2. Encik Mohamad Rosnani bin Hj. Hamid, A.M.S., P.P.T.,
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.



3. Puan Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah, A.M.S.,
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
4. Tuan Ir. Ahmad Roslan bin Hairudin, A.I.S.,
Wakil Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
5. Ybhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, P.P.T., M.R.I.S.M, – (Google Meet)
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
6. Encik Zainal Abidin bin Rahim,
Wakil Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
7. Puan Hamidah binti Hj. Ariffin, P.P.T., – (Google Meet)
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
8. Tuan LAr. Dr. Badruzaman bin Jaafar, – (Google Meet)
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
9. Puan Mahzura binti Mohd Amin, – (Google Meet)
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop, P.J.K., – (Google Meet)
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin@Musa, A.I.S., – (Google Meet)
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Encik Lee Lih Shyan, – (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, MBPJ.
13. Puan Norzita binti Mokhtar, – (Google Meet)
Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
14. Encik Samsu Bahari bin Nonchi, A.M.S.,
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
15. Puan Haniza binti Abdul Hamid, P.P.T., – (Google Meet)
Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
16. Puan Noor Najwa binti Said,
Wakil Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.
17. Puan Tee Tzu Fong, – (Google Meet)
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.



SULIT

18. Puan Sr. Jayanthi a/p Kupusamy, – (Google Meet)
Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.

TURUT HADIR:

1. Encik Abdul Hakim bin Khairuddin,
Pegawai Penerangan,
Unit Komunikasi Korporat (Perhubungan Awam).

URUSETIA :

1. Puan Haslida binti Samat, P.P.S.,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
2. Puan Roziah binti Mohd Din,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
3. Puan Nur Zaidah binti Abd. Kadir,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.



SULIT